

**ADUN dakwa 1/2juta untuk pelabot 'bersepah' SDO**  
**Malaysiakini.com**  
**July 30, 2010**

Di balik gambaran tenang dan aman, bekas pejabat pembangunan negeri (SDO) Pulau Pinang sebenarnya menyembunyikan sebuah tempat yang ditinggalkan, kotor dan bersepah.

Sampah- sarap yang tidak dikutip, plaster syiling dan dinding pecah, wayar berjuntai dan perabut tinggal bagai menyempurnakan gambaran suram itu.

ADUN Komtar Ng Wei Aik mendakwa pejabat tersebut yang pernah digunakan oleh pegawai SDO Nik Ali Mat Yunus kini seperti tong sampah walaupun RM450,000 telah dibelanjakan untuk tujuan pengubahsuaian.

Nik Ali sebelum ini mempunyai hubungan yang keroh dengan Ketua Menteri Lim Guan Eng apabila mereka berdua saling menggelar satu sama lain sebagai "biadap" dan "Napoleon kecil".

Dalam satu sidang media di tempat tersebut hari ini, Ng menuntut penjelasan apa yang hendak dilakukan oleh Nik Adli dengan tempat itu setelah berpindah ke pejabat baru.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/138793>